



06 AUG, 2024

Remaja disyaki keldai dadah antara dua kena tahan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Remaja disyaki keldai dadah antara dua kena tahan

Kastam rampas lebih 20kg syabu RM667,000 di dua lapangan terbang

Oleh Juwan Riduan
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Dua lelaki termasuk seorang remaja yang dipercayai diperalatkan sebagai 'keldai' dadah ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang turut merampas lebih 20 kilogram (kg) syabu bernilai RM667,729.44 daripada mereka. Lelaki tempatan, masing-ma-

sing berusia 18 dan 29 tahun dari Semenanjung itu masuk ke negeri ini secara berasingan melalui dua lapangan terbang bersama dadah terbabit pada Selasa lalu sebelum ditahan ketika cuba melepasi pemeriksaan.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Sabah, Siti Mang, berkata suspek pertama ditahan jam 12.30 tengah hari di Lapangan Terbang Tawau selepas imbasan imej terhadap beg suspek mengesan 10 bungkusan plastik hijau kuning jenama 'Guangyiwang' yang mencurigakan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati semua bungkusan berkenaan berisi 10.199 gram dadah berbahaya yang dianggarkan bernilai RM326,389. Suspek terus ditahan bersama dadah berkenaan untuk siasatan dan tindakan lan-



Siti menunjukkan rampasan syabu pada sidang media di Kota Kinabalu, semalam.

(Foto Juwan Riduan/BH)

jut," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Ditahan untuk siasatan

Bertindak atas maklumat, katanya, suspek kedua berusia 18 tahun ditahan kira-kira jam 1 tengah hari ketika cuba melepasi pemeriksaan mesin imbasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA).

"Pemeriksaan mendapati suspek membawa begasi berisi 10

bungkusan mengandungi dadah seberat keseluruhan 10.194 gram. Remaja lelaki ditahan untuk siasatan lanjut bagi mengenal pasti sama ada mempunyai hubung kait dengan suspek pertama.

"Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup jika sabit kesalahan. Siasatan lanjut juga untuk meng-

yang lebih besar," katanya.

Katanya, modus operandi kes adalah menggunakan bungkusan plastik hijau jenama 'Guangyiwang' yang diseludup masuk ke dalam negara melalui kapal penumpang.

Beliau meminta kerjasama orang ramai memerangi jenayah penyeludupan dengan menyalurkan maklumat di talian bebas tol Kastam 1-800-88-8855 dengan jaminan identiti setiap pemberi maklumat dirahsiakan.



06 AUG, 2024

Remaja disyaki keldai dadah antara dua kena tahan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kastam rampas lebih 20kg syabu RM667,000 di dua lapangan terbang

Kota Kinabalu: Dua lelaki termasuk seorang remaja yang dipercayai diperalatkan sebagai 'keldai' dadah ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang turut merampas lebih 20 kilogram (kg) syabu bernilai RM667,729.44 daripada mereka. Lelaki tempatan, masing-masing

berusia 18 dan 29 tahun dari Semenanjung itu masuk ke negeri ini secara berasingan melalui dua lapangan terbang bersama dadah terbabit pada Selasa lalu sebelum ditahan ketika cuba melepasi pemeriksaan.